

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1997/98

Februari 1998

STW213 - Intervensi Sosial Dengan Individu dan Keluarga

Masa: [ 3 jam ]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Anda perlu menjawab **TIGA** (3) soalan. Jawab soalan 1 di Bahagian A (**WAJIB**), **SATU** soalan di Bahagian B dan **SATU** soalan di Bahagian C.

**BAHAGIAN A**

Jawab soalan 1 (**WAJIB**).

1. Dengan memegang kepada kepercayaan bahawa intervensi dalam Kerja Sosial mestilah mengambil kira sosio-agama dan budaya sesuatu tempat, intervensi dengan individu dan keluarga di negara seperti Malaysia mestilah mempunyai keistimewaananya sendiri.
  - (a) Apakah keadaan individu dan keluarga (dari segi struktur dan perhubungan) di Malaysia yang membuatnya bitara pada masa ini?
  - (b) Beri cadangan mengenai satu intervensi yang boleh di rancangkan jika bekerja dengan
    - i] individu atau
    - ii] keluarga.

Masukkan persoalan situasi yang dipilih, nilai, prinsip, sikap, kemahiran pekerja dan proses intervensi termasuk penentuan matlamat intervensi dan persoalan kepekaan.

[40 Markah]

...2/-

## BAHAGIAN B

Jawab SATU (1) daripada DUA (2) soalan.

2. Konsep Rawatan Sosial dalam intervensi Kerja Sosial meliputi beberapa kaedah yang boleh di tauladani dalam perlaksanaan perkhidmatan.

- (a) Sebutkan salah satu daripada kaedah ini.
- (b) Beri penjelasan mengenai kaedah yang dipilih berdasarkan kepada ciri-ciri berikut:
  - i] Andaian mengenai keadaan klient.
  - ii] Jangka masa.
  - iii] Proses.
  - iv] Asas ilmu dan kemahiran pekerja sosial.

[30 Markah]

3. Pilih salah satu ahli falsafah dari Timur yang banyak menekankan amal yang baik bagi kehidupan bermasyarakat.

- (a) Sebutkan ahli falsafah ini.
- (b) Apakah fahamannya mengenai:
  - i] Individu.
  - ii] Keluarga.
  - iii] Persoalan intervensi dengan mengambil kira nilai, situasi, proses dan matlamat.

[30 Markah]

## BAHAGIAN C

Pilih **SATU** (1) daripada **DUA** (2) soalan.

4. Kes Noraini Salleh telah disiarkan dalam akhbar tempatan. Penama dihukum penjara 12 tahun kerana didapati bersalah menyebabkan kematian bayi berusia 8 bulan dengan mencampakkan bayi dari buaian ke lantai dalam beliau berkeadaan sedang marah.

Seandainya anda seorang pekerja sosial ikhtisas yang perlu menegakkan keadaan keluarga Noraini selepas hukuman dijatuhkan, apakah langkah-langkah yang perlu diambil kira demi menunjukkan satu intervensi yang unggul?

[30 Markah]

5. Ingat kembali satu keadaan di mana anda telah melaksanakan intervensi.

- Ceritakan secara ringkas keadaan itu.
- Secara teoritis, bincang proses intervensi yang telah dilaksanakan atau boleh dilaksanakan dengan mengambil kira tahap, kemahiran dan objektif bagi tiap-tiap tahap.
- Apakah hasil yang boleh diharapkan dari intervensi ini?

[30 Markah]

